

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SYED ABU HUSSIN BIN  
HAFIZ SYED ABDUL FASAL**

**[BUKIT GANTANG]**

**TARIKH** : **5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan program-program “*Business Online*” perniagaan atas talian di bawah seliaan Kerajaan dan bentuk bantuan dan kursus yang disediakan kepada rakyat Malaysia dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat khususnya kepada golongan Bumiputera dan B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

MED melalui SME Corp. Malaysia melaksanakan pelbagai program untuk membantu usahawan dan syarikat PKS daripada peringkat permulaan perniagaan sehinggalah ke pasaran eksport termasuklah dalam meningkatkan aktiviti e-dagang. Bantuan diberikan secara bersepadu dan meliputi khidmat nasihat dan bantuan kewangan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman mudah.

Ini termasuk kerjasama strategik bersama-sama agensi, persatuan dan rakan strategik e-Dagang melalui aspek pembangunan dan latihan dalam bidang e-Dagang. Bagi tahun 2018 sejumlah 56,182 PKS telah dilatih dalam bidang e-Dagang.

Program Tunas Belia Bumiputera (TUBE) yang dilaksanakan oleh SME Corp., merupakan satu program penggalakan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan melalui latihan. Program ini juga meliputi latihan berkaitan e-Dagang melalui kerjasama dengan MDEC bertujuan memberi peluang kepada belia Bumiputera untuk menjalankan perniagaan secara atas talian. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2018, ia telah melibatkan penyertaan seramai 4,422 orang belia Bumiputera dengan 4,381 (99%) daripada mereka telah mendaftarkan perniagaan dan memulakan operasi perniagaan. Sehingga kini, melalui perniagaan yang dijalankan, mereka telah berjaya mencatatkan jualan terkumpul berjumlah RM99.28 juta dan mewujudkan 7,852 jumlah pekerjaan.

SME Corp. Malaysia turut menganjurkan Program *Women Netpreneur* yang bertujuan untuk membantu usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara atas talian. Program *Women Netpreneur 2018/2019: eCommerce adoption* merupakan satu siri taklimat dan bengkel yang diadakan dengan kerjasama persatuan wanita iaitu *Gorgeous Geek*. Menerusi program tersebut, pelbagai penyedia platform dalam talian (*online platform provider*) seperti Lazada, Shopee, TM dan Easy Parcel berkongsi

maklumat terkini tentang cara-cara menjalankan perniagaan dalam talian. Peserta tidak dikenakan sebarang bayaran untuk menghadiri program ini.

Sejumlah 7 sesi program *Women Netpreneur* telah dijalankan pada tahun 2018 dan 2019 di beberapa lokasi terpilih di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sehingga September 2019, program ini telah memberi manfaat kepada 723 orang usahawan wanita. Sejumlah 2 sesi program lagi akan dijalankan pada bulan Oktober dan November 2019 di Kuala Lumpur dan Kuching.

Kerajaan melalui Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) turut menawarkan program-program latihan teknikal keusahawanan jangka pendek berbentuk *outcome-based*. Antara program latihan teknikal keusahawanan berkaitan perniagaan atas talian adalah seperti berikut:

- a. Pemasaran menggunakan Platform *e-Marketplace* seperti *Shopee*, *Lazada* dan *MyBazaar*
- b. *FB Ads* (Pemasaran Media Sosial)
- c. *Google Ads* (Pemasaran Media Sosial)
- d. *Instagram* (Pemasaran Media Sosial)
- e. Buat Duit Dari *Youtube*
- f. Menghasilkan Video Pemasaran Menggunakan *Smartphone*

Buat masa ini, Program Keusahawanan untuk golongan B40 yang ditawarkan oleh INSKEN adalah melalui program berbentuk bimbingan dan latihan *coaching/mentoring* selama 4 bulan menerusi program :

- a. *INSKEN Business Coaching: Postnatal Care*
- b. *INSKEN Business Coaching: SPA*
- c. *INSKEN Business Coaching: Homestay*
- d. *INSKEN Business Coaching: Tailoring*

Selain daripada itu, pihak INSKEN juga terlibat di dalam Projek Rintis Usahawan Tani Fertigasi (PRINT). Program pembangunan kapasiti keusahawanan ini dapat membantu usahawan-usahawan B40 yang menjalankan perniagaan dalam bidang asas tani di Terengganu. Menerusi program PRINT ini, para usahawan dapat menambahbaik sistem tanaman (fertigasi) secara digital, meningkatkan tahap kemajuan perniagaan mereka

**NO. SOALAN : 22**

ke tahap yang lebih tinggi, di samping meningkatkan jualan hasil pertanian dan menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*

